

01/07/2003

Singapura sentiasa cari jalan melukai hati jiran

Ezaruddin Abd Rahman

PERBUATAN Singapura mengeluarkan buku kecil berjudul Rundingan Air-Hakikat

Yang Sebenarnya adalah tindakan melampau. Ini membuktikan bahawa Singapura

semakin terhimpit dan tertekan dalam mencari penyelesaian isu air ini.

Sikap Singapura lebih menggambarkan keangkuhan dan ketamakan mereka dalam mempertahankan hak mereka.

Penerbitan buku kecil ini tidak akan mengubah minda rakyat Malaysia kerana buku ini akan turut dibaca oleh rakyat negara ini.

Sebenarnya rakyat Malaysia semakin muak dan marah dengan pendekatan Singapura menghadapi masalah yang membabitkan hubungan Singapura dan Malaysia.

Belum pun reda dengan isu tuntutan Pulau Batu Putih, Singapura seolah-olah cuba mewujudkan ketegangan keharmonian di antara Malaysia dan Singapura.

Singapura sentiasa cuba mencari jalan untuk melukai hati jirannya.

Dalam mencapai kebaikan demi kepentingan bersama, tidak perlu diterbitkan buku sebegini kerana ia lebih mengeruhkan suasana.

Kerajaan Singapura harus dipersalahkan nanti kerana penerbitan Rundingan

Air-Hakikat Yang Sebenarnya akan menyebabkan polemik yang panas pemimpin negara, ahli politik, pertubuhan bukan kerajaan dan orang ramai.

Singapura sentiasa bermain api dan seolah-olah cuba mencabar kesabaran pemimpin dan rakyat Malaysia dalam suasana politik dunia yang tidak menentu.

Singapura seharusnya menimbulkan suasana yang positif dan sentiasa menghormati sikap bertolak ansur Malaysia dan jangan sentiasa untuk mencari jalan untuk memilih kontroversi.

Singapura tidak seharusnya berasaskan diri mereka kuat kerana mempunyai sokongan daripada Amerika Syarikat tetapi seharusnya menginsafi diri mereka sendiri mengenai asal-usul negara itu.

Singapura seharusnya sedar mereka terlalu bergantung kepada negara lain

dalam mendapatkan bekalan makanan, air, bahan mentah dan sebagainya.

Namun

demikian negara jiran lain yang bersikap matang tidak pernah membangkitkan

persoalan ini, termasuk Malaysia.

Persoalan yang timbul adalah adakah Singapura sentiasa peka dengan sikap

matang negara jiran lain. Pemimpin Singapura tidak seharusnya melatah dalam menjalinkan hubungan berasaskan perkara panas seperti isu air.

Singapura seolah-olah menjadi bom jangka di rantau ini dan boleh mewujudkan ketegangan dan peperangan di rantau ini. Singapura seharusnya bersabar dalam menyelesaikan isu harga air sehingga ia dibawa ke meja rundingan dan jangan lakukan menimbulkan provokasi.

Sikap angkuh Singapura yang mencabar setiap perkara daripada dakwaan Malaysia mengenai hak menyemak semula harga air mengikut perjanjian air

1961 dan 1962 di antara kedua-dua negara sejak sekian lama lebih mencerminkan sikap ketidaksabaran mereka.

Sebenarnya isu ini akan diselesaikan secara bijak jika Singapura berfikiran logik kerana harga air yang dibeli oleh Singapura. Tetapi sikap

ego, tamak, angkuh dan tidak bertimbang rasa adalah sikap yang sentiasa berada dalam diri pemimpin Singapura.

Oleh itu, langkah Malaysia yang akan mengeluarkan sebuah buku bagi menolak segala kekeliruan yang terkandung dalam buku kecil itu adalah wajar. Ini kerana dapat mendedahkan perkara sebenar dalam isu itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah memberitahu bahawa Singapura tidak boleh dipercayai berikutan tindakannya mendedahkan

surat pemimpin kedua-dua negara dan dokumen berhubung isu air di media massa.

Sikap Singapura yang menimbulkan persoalan bahawa kenaikan harga air seolah-olah mencabar kedaulatan negara itu, menyebabkan isu harga air sentiasa menjadi isu panas di antara Singapura dan Malaysia.

Sikap berdolak dalih Singapura ini hanya akan menyebabkan kemelut berpanjangan. Harga air sekarang yang dibekalkan ke republik itu tidak munasabah dan adil serta perlu disemak kembali.

Malaysia adalah sebuah negara yang bertanggungjawab dan penyayang yang sentiasa membekalkan air walaupun ia tidak memberikan keuntungan kepada Malaysia.

Saya percaya Kerajaan Malaysia tidak pernah menjadikan air sebagai perdagangan untuk mendapatkan keuntungan yang berlipat ganda tetapi Malaysia cuma meminta Singapura untuk menyemak kembali harga air.

Ini kerana kenaikan kos yang tinggi dan tidak relevan pada masa kini adalah di antara sebab Malaysia memohon dikaji balik harga air. Singapura

tidak akan rugi kerana membekalkan air yang sudah dirawat kepada penduduknya pada harga RM11.70 bagi setiap 1,000 gelen.

Bagi Malaysia, air bukanlah untuk diperdagangkan tetapi ia bersifat kemanusiaan untuk rakyat Singapura.

Rakyat Malaysia dan Singapura masih berharap masalah ini akan diselesaikan segera melalui kaedah muafakat.

Janganlah kerana air segelas hubungan Malaysia-Singapura akan menimbulkan konflik yang berbahaya kepada kestabilan di rantau ini. Kami yakin kaedah melalui rundingan dan bertimbang rasa adalah jaminan kepada penyelesaian permasalahan ini.

Singapura seharusnya bersabar dan bersikap profesional dalam menyelesaikan masalah ini.

Sikap melatah dan marah daripada pemimpin mereka terhadap Malaysia hanya

akan memalukan Singapura sendiri.

Singapura diminta tidak mencabar kesabaran Malaysia kerana ia seolah-olah tidak menghormati Malaysia.

EZARUDDIN ABD RAHMAN,

Timbalan Presiden,

Persatuan Pemuda Negara Malaysia.